

Selasa, 25
Oktober, 2022


SEMINAR STEM PPST: PLATFOM PEMBUDAYAAN PENYELIDIKAN DAN PENERBITAN

Sitty Nur Syafa Bakri*
Pusat Persediaan Sains dan Teknologi, Universiti Malaysia Sabah
*syafa@ums.edu.my

Seminar
STEM PPST
Kali Ke-2

Memilih profesion sebagai pensyarah bermakna seseorang itu perlu sentiasa menyelidik, mengkaji, meneliti, mencipta sesuatu yang baru dan berkongsi kepakaran dengan semua pihak sama ada menerusi seminar, diskusi ilmiah ataupun penulisan [1]. Oleh yang demikian, Seminar STEM PPST, anjuran Pusat Persediaan Sains dan Teknologi, Universiti Malaysia Sabah (UMS), ringkasnya PPST merupakan platform yang disediakan khusus kepada ahli akademik PPST bagi berkongsi dapatan kajian masing-masing melalui pembentangan dan penulisan saintifik. Ibarat kata pepatah, *sambil menyelam minum air*, Seminar STEM PPST ini memberi peluang dan ruang kepada pensyarah-pensyarah program Asasi UMS untuk terus menerbitkan manuskrip disebalik kekangan masa menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran kepada pelajar-pelajar. Dalam masa yang sama, pensyarah perlu menjalankan penyelidikan dan menerbitkan artikel setiap tahun sebagai tuntutan kepada tugas hakiki.

Umum mengetahui, pembelajaran di pusat persediaan seperti asasi dan matrikulasi adalah singkat. Maka, penganjuran seminar seperti ini adalah begitu penting dan dilihat berupaya mengekalkan kelangsungan pembudayaan penyelidikan dan penerbitan dikalangan pensyarah-pensyarah program Asasi.




Dr Nurliyana Juhan semasa sesi pembentangan seminar STEM 2021

::SEMINAR STEM PPST 2021::

Dipengerusikan oleh Dr Nurliyana Juhan dengan tema **STEM: Engaging the Scientific Exploration**, sebanyak 19 kertas kerja dibentangkan melalui aplikasi webex. Diakhir sesi pembentangan, disampaikan anugerah kertas kerja terbaik (*best paper awards*) yang dinilai oleh semua peserta yang hadir. Penerima-penerima tersebut adalah Dr Mohd Azrul Abd Rajak (Kimia), Dr Sitty Nur Syafa Bakri (Biologi) dan Cik Nurhazwani Dahon (Kimia). Kesemua kertas kerja diterbitkan sebagai e-buku prosiding dengan e-ISBN [2]. Manuskrip yang dihantar menjalani proses perwasitan dan bacaan prof Bahasa Inggeris (*English proofreading*) yang dilakukan sendiri oleh tenaga pakar dalaman PPST. Apabila selesai dikompilasi, e-book disemak sekali lagi dan diwasit oleh dua orang penilai luar sebelum diterbitkan



Seminar STEM PPST 2022 telah dirasmikan oleh Prof Ir Dr Rosalam Sarbatly, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), UMS



Seminar STEM PPST 2021 dikendalikan sepenuhnya secara atas talian

Mengimbu kembali penganjuran Seminar STEM PPST kali pertama adalah pada 25 September 2021, semasa musim pandemik Covid-19. Seminar tersebut berlangsung sepenuhnya secara atas talian disebabkan arahan sekatan pergerakan (PKP). Seminar telah dirasmikan oleh Pengarah PPST, Prof Dr Jumat Sulaiman dan turut disertai oleh Prof Madya Dr Azali Saudi selaku penyampai ucapatama dengan tajuk, *Sustainability in STEM Education*.

::PENGANJURAN SEMINAR STEM PPST 2022::

Pada tahun ini, Seminar STEM PPST Kali Ke-2 dianjurkan sepenuhnya secara fizikal dan bersemuka bertempat di bilik Manukan dan Mataking, Sabah International Convention Centre (SICC), Kota Kinabalu, Sabah pada 20 Oktober 2022. Ucapan pembukaan telah disampaikan oleh penasihat seminar merangkap Pengarah PPST, Prof Dr Jumat Sulaiman dan telah dirasmikan oleh Prof Ir Dr Rosalam Hj. Sarbatly, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), UMS. Seminar kali ini telah menjemput dua orang penyampai ucapatama (*Keynote speaker*) iaitu Prof. Madya Dr. Mohd Khairuddin @ Jerry Bin Abdullah, dari Fakulti Psikologi dan Pendidikan, UMS dengan tajuk *Teachers Readiness to Implement Stem Education In Kota Kinabalu*.

Ucapatama kedua telah disampaikan oleh Dr. Majid Khan Bin Majahar Ali, dari Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang dengan tajuk *Energy and Exergy Analysis For Post-Harvest Handling Of Eucheumatoid Seaweeds Using Hybrid Solar Drier System*. Bertemakan "**Academia & Beyond**", sebanyak 23 kertas kerja telah dibentangkan dari pelbagai bidang berkaitan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) dan Pendidikan.

34 penerbitan terindeks
antara tahun 2021 dan 2022 dalam tempoh pandemik dan endemik

17 Scopus/Wos dan 17 MyCite
55 penerbitan lain turut dicapai, termasuk prosiding, bab buku dan OER@UMS

1 Hakeipta (Copyright)
Modul Pembelajaran Berasaskan Masalah Untuk Fizik (Elektrik)



Prof Dr Jumat menyerahkan saguhati kepada Prof Ir Dr Rosalam sebagai tanda penghargaan merasmikan seminar dan disaksikan oleh Dr Muhammad Nur Rashidi

Mengambil petikan ucapan pembukaan daripada Prof Dr Jumat [3], *biarpun Pandemik COVID-19 memberi impak yang mendalam kepada semua pihak dalam pelbagai aspek, tetapi usaha dalam penyelidikan, perkongsian pengetahuan, dan penerbitan saintifik harus diteruskan.* Menurut beliau, ini dibuktikan oleh penghasilan e-buku pertama PPST dengan ISBN, yang merupakan hasil kerja keras seminar STEM PPST yang pertama. *Saya dapat melihat kejayaan ini sebagai usaha dan dedikasi yang luar biasa daripada staf akademik PPST,* kata Prof Dr Jumat.

Beliau menyambung dalam ucapannya, *PPST telah menerbitkan 34 penerbitan terindeks antara tahun 2021 dan 2022 dalam tempoh pandemik dan endemik ini. Dalam penerbitan tersebut, 17 artikel berada di bawah Indeks Scopus/WOS dan 17 Jurnal MyCite. Selain itu, 55 penerbitan telah dicapai, yang mana termasuk prosiding, bab buku dan OER@UMS (sumber pendidikan terbuka). Sementara itu, sebanyak 10 pembiayaan penyelidikan baharu telah diberikan semasa cabaran ini tahun pandemik-endemik kepada PPST dengan 6 pada 2020 dan 2 geran penyelidikan baharu pada 2021 dan 2022, masing-masing. PPST juga telah mencapai satu perlindungan harta Intelek (IPP) untuk hak cipta (copyright) bagi Modul Pembelajaran Berasaskan Masalah Untuk Fizik (Elektrik) dan beberapa lagi permohonan.*

Di akhir seminar, seramai enam orang ahli akademik PPST menerima anugerah kertas kerja terbaik (*best paper award*) dan telah disampaikan oleh Pengerusi Seminar STEM PPST kali ke-2 iaitu Dr Muhammad Nur Rashidi Rosli.

Penerima-penerima anugerah adalah Ts Jetol Bolongkikit (IT), Dr Mohd Razali Shamsuddin (Kimia), Dr Haslinda Mohd Sidek (Kimia), En Eddy Mohd Farid Mohd Yusslee (Kimia), Pn Nur Fadzilah Basri (Fizik) and Cik Uswatun Nurrahmah Noorhassanah (English).

Kesimpulannya, penganjuran seminar, persidangan dan diskusi ilmiah adalah amat penting bagi sesebuah institusi pengajian tinggi sebagai usaha kelangsungan pembudayaan penyelidikan dan penerbitan dikalangan ahli akademiknya samada secara fizikal mahupun atas talian.



Prof Dr Jumat Sulaiman, Pengerah PPST



Peserta-peserta Seminar STEM PPST 2022



Penerima Anugerah Kertas Kerja Terbaik Seminar STEM PPST Kali Ke-2, 2022

Rujukan

[1] Norhapizah binti Mohd Burhan dan Ruziana Mohamed. Membudayakan penyelidikan, penulisan dan inovasi: satu keperluan transformasi pensyarah baru. <https://ir.uitm.edu.my/59270/1/59270.PDF>

[2] E-book Proceeding PPST STEM https://oer.ums.edu.my/bitstream/handle/oer_source_files/1874/E-Book-Proceeding%20PPST%20STEM%20Seminar%202021_1.pdf?sequence=3&isAllowed=y

[3] 2nd PPST STEM Seminar Programme Book https://www.ums.edu.my/ppstv2/images/stem2022/Buku_Program_Seminar_STEM_PPST_2022.pdf